

Pengguna perlu baca, faham terma dan syarat aplikasi

SEBELUM memuat turun sesebuah aplikasi di telefon pintar, paparan yang tertulis terma dan syarat aplikasi yang dimuat naik akan dipaparkan pada skrin telefon. Begitu pun, ramai individu yang memilih untuk mengabaikan terma dan syarat begini atas alasan ia terlalu panjang.

Selaku pengguna, hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana pengguna perlu mengambil tahu bagaimana data yang dimuat naik boleh diakses dan mungkin disalah guna oleh individu tidak



MASNIDA

bertanggungjawab.

Menurut Pensyarah kanan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Masnida Hussin, pengguna perlu berhati-hati setiap kali memuat turun sebarang aplikasi.

"Selaku pengguna, kita haruslah bijak dan mengambil tahu tentang terma dan syarat yang sudah ditulis sebelum memuat turun sesebuah aplikasi di telefon pintar.

"Sekiranya pengguna sudah membaca

terma dan syarat, bermaksud mereka bersetuju data peribadi dan maklumat lain dikongsi dengan bebas," jelasnya ketika dihubungi kru *Panorama*.

Jelas Masnida lagi, tidak semua aplikasi melibatkan wajah itu buruk atau bersifat negatif.

Hal ini kerana, data penyimpanan wajah juga boleh membantu pihak berkuasa mengesan penjenayah.

"Data peribadi seperti wajah boleh membantu dalam memberi informasi tambahan dalam televisyen litar tertutup atas tujuan keselamatan negara dan juga pengintipan," katanya.